



Ruj.Kami :

Tarikh : Januari 2019

SEPERTI SENARAI EDARAN

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING JPS MALAYSIA BIL.3 /2019

(Pembatalan SP JPS Bil. 6/2017)

- **Pemakaian Senarai Semak Pengurusan Air Larian Hujan Untuk Permohonan Pemajuan Tanah Di Malaysia**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini disertakan satu salinan Surat Pekeliling JPS Malaysia Bil. 3/2019 bagi Pemakaian Senarai Semak Pengurusan Air Larian Hujan Untuk Permohonan Pemajuan Tanah Di Malaysia telah dipinda untuk pemakaian dan tindakan pihak Y. Bhg. Dato'/'

Tuan/Puan.

3. Kerjasama daripada pihak Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Warga Berintegriti, Organisasi Berkualiti"

Saya yang menjalankan amanah,

DATO' IR. DR. HJ. MD. NASIR BIN MD. NOH

Ketua Pengarah

T.v

JAYAKAN PERKHIDMATAN SEMPURNA



MALAYSIA

**IBU PEJABAT
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
MALAYSIA**



**SURAT PEKELILING JPS BIL. 3/2019
(Pembatalan Kepada SP JPS Bil. 6/2017)**

**PEMAKAIAN SENARAI SEMAK
PENGURUSAN AIR LARIAN HUJAN UNTUK
PERMOHONAN PEMAJUAN TANAH DI MALAYSIA**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk pemakaian Senarai Semak Pengurusan Air larian Hujan untuk permohonan pemajuan tanah dalam semua projek yang melibatkan infrastruktur saliran dan kerja tanah di Malaysia. Pemakaian adalah untuk penambahbaikan bagi proses penyediaan dan kelulusan Permohonan pemajuan tanah di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) semua projek yang melibatkan infrastruktur saliran dan kerja tanah di Malaysia.

LATAR BELAKANG

2. Pada tahun 2000 JPS telah melancarkan MSMA yang merupakan satu garis panduan untuk membuat perancangan infrastruktur saliran mesra alam melalui konsep kawalan kuantiti dan kualiti pada peringkat punca. Pada 1 Januari 2001 Jemaah Menteri telah bersetuju pemakaian MSMA sebagai syarat kelulusan pelan pembangunan melibatkan infrastruktur saliran disemua agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta Swasta. Pelan saliran dan kerja tanah berdasarkan MSMA menjadi syarat utama dalam kelulusan pemajuan tanah oleh *One Stop Centre* (OSC).

3. Pada tahun 2005 melalui Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) kerajaan telah bersetuju supaya mewajibkan semua kerja tanah di bawah kawalan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), perlu mempunyai Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak (Erosion and Sediment Control Plan, ESCP) dan mendapat kelulusan Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) sebelum perintah pembangunan dikeluarkan oleh PBT.

4. Pada 1 Ogos 2012 melalui Surat Pekeliling JPS Malaysia Bil. 2 Tahun 2012, (JPS) telah melancarkan MSMA Edisi Kedua. Prinsip asas MSMA adalah kawalan pada punca (control-at-source) yang mengawal lima elemen utama merangkumi kuantiti, kualiti, hakisan dan kelodak, operasi dan penyenggaraan serta nilai estetika. Pada 1 Ogos 2015 melalui Surat Pekeliling JPS Bil. 2/2015 pemakaian Senarai Semak Pengurusan Air Larian Hujan Untuk Permohonan Pemajuan Tanah Di Malaysia dikuatkuasakan berdasarkan MSMA Edisi Kedua.

5. Pada tahun 2010, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mewajibkan tauliah CPESC (*Certified Professional in Erosion and Sediment Control*) sebagai syarat tambahan untuk semua juruperunding yang menyediakan ESCP di bawah kerja-kerja EIA.

6. Masalah penyediaan pelan ESCP yang tidak berkesan untuk membantu pengawalan kelodak di tapak bina dan bilangan permohonan yang tinggi terhadap penyemakan pelan-pelan ESCP pada setiap bulan boleh menyebabkan kelewatan kepada kelulusan permohonan dan boleh menjejaskan dan mengugat keadaan alam sekitar di tapak pembinaan.

7. Penambahbaikan proses kelulusan pelan kawalan hakisan dan kelodak (ESCP) untuk permohonan pemajuan tanah di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk semua kerja tanah dibawah kawalan PBT, dilaksanakan untuk memastikan penyediaan Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak (ESCP) yang disediakan dan penyelenggaraan Amalan Pengurusan Terbaik (*Best Management Practices, BMPs*) di dalam pelan ESCP yang dikawalselia akan lebih berkualiti serta berkesan dalam menangani isu-isu hakisan dan kelodak.

PELAN SALIRAN DAN PELAN KAWALAN HAKISAN DAN KELODAK (ESCP)

8. Semua pengemukaan Pelan Saliran dan Pelan Kawalan Hakistan dan Kelodak (ESCP), hendaklah disediakan oleh jurutera perunding dan perlu ditandatangani oleh Professional Engineer with Practising Certificate (PEPC).

9. Profesional/individu yang menandatangani pelan dan senarai semak JPS hendaklah memantau, mengesahkan, melapor dan memastikan Amalan Pengurusan Terbaik (Best Management Practices, *BMPs*) di dalam pelan dan senarai semak tersebut dibina, dikawalselia dan disenggara secara berkesan di sepanjang tempoh pelaksanaan projek.

10. Kegagalan Profesional/individu yang menandatangani pelan dan senarai semak tersebut dalam memastikan melaksanakan perkara di atas, pihak JPS Daerah/Negeri boleh melaporkan kepada Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) dengan borang aduan BEM/form/PPC/01 agar pihak yang terbabit diambil tindakan di bawah seksyen 15 Akta Pendaftaran Jurutera 1967 dan peraturan-praturan pendaftaran jurutera 1990 serta pindaannya.

11. Pindaan senarai Semak Pengurusan Air Larian Hujan Untuk Permohonan Pemajuan Tanah Di Malaysia seperti di lampiran hendaklah digunapakai bagi menggantikan senarai semak sediaada.

PEMAKAIAN

12. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Surat Pekeliling ini pada keseluruhannya adalah dipanjangkan kepada semua agensi yang berkaitan merangkumi Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan.

KUATKUASA DAN PEMBATALAN

13. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dari tarikh surat pekelling ini dikeluarkan dan wajib dipatuhi oleh semua Bahagian, JPS Negeri dan Pejabat Projek di Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia. Kegagalan dan keengganan mematuhi surat pekelling ini tanpa alasan munasabah boleh menyebabkan pegawai dikenakan tindakan tatatertib.

14. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, Surat Edaran JPS BIL. 6/2017 bertarikh 6 Julai 2017 adalah dibatalkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


DATO' IR. DR. HJ. MD. NASIR BIN MD. NOH

Ketua Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran
Malaysia.

31 Januari 2019

Semua Pengarah Bahagian

Semua Pengarah Negeri

Semua Jurutera Projek